



PEKELILING PENTADBIRAN
BILANGAN 42 TAHUN 2023

DASAR PENGURUSAN AKTIVITI PELAJAR
DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Pejabat Pendaftar
4 Disember 2023 | 20 Jamadilawal 1445H

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Pegawai-Pegawai Kanan
YDP Majlis Perwakilan Pelajar

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTEM100-1/3/1 JLD. 2 (29)

4 DISEMBER 2023
20 JAMADILAWAL 1445H

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 42/2023

DASAR PENGURUSAN AKTIVITI PELAJAR DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf dan pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengenai Dasar Pengurusan Aktiviti Pelajar di Universiti Teknikal Malaysia Melaka yang telah mendapat kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 7 Tahun 2023 pada 26 Oktober 2023.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Melalui konsep pelajar UTeM adalah TUAH, segala aktiviti pelajar yang dijalankan menerapkan keupayaan dan kebolehan pelajar UTeM sebagai TUAH UTeM yang profesional, kompeten, beretika, ihsan dan daya juang yang tinggi.
- 2.2 Dasar Pengurusan Aktiviti Pelajar di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) diwujudkan bertujuan menambahbaik kecekapan pengurusan aktiviti pelajar dari sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan aktiviti serta bagi memastikan pelaksanaan aktiviti pelajar mematuhi semua peraturan yang berkaitan dan rekod-rekod aktiviti pelajar disimpan dengan teratur dan tersusun.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Aktiviti pelajar yang dijalankan perlu berasaskan **Lapan (8) Dimensi TUAH** bagi memperkasakan aktiviti pelajar yang holistik, seimbang dan cemerlang demi mewujudkan kesejahteraan kampus.
- 3.3 Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) berperanan **memperakukan setiap aktiviti Persatuan (dengan kos RM20,000.00 dan ke bawah)** yang hendak dianjurkan supaya mematuhi peraturan dan prosedur yang berkuat kuasa sebelum mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Melulus.

- 3.4 **Aktiviti Persatuan dengan kos melebihi RM20,000.00** serta kutipan Derma/Hadiah/Sumbangan/Tajaan; perolehan pakaian; pakej melebihi kadar; aktiviti ke luar negara; hotel 5 bintang perlu mendapat perakuan TNC(HEPA) dan kelulusan Naib Canselor.
- 3.5 Sebarang penyaluran derma/hadiah/sumbangan/tajaan wang kepada Persatuan dibuat atas nama **BENDAHARI UTeM** manakala bagi terimaan derma/hadiah/sumbangan/tajaan bukan berbentuk wang perlu diuruskan mengikut tatacara yang telah digariskan di dalam Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU).
- 3.6 Persatuan Pelajar perlu menyediakan kertas kerja berkaitan yang juga merangkumi penerapakan elemen **Matlamat Pembangunan Mampan atau Sustainable Development Goals (SDG)** serta **anggaran bajet (implikasi kewangan)** sebelum melaksanakan sesuatu aktiviti.
- 3.7 Perancangan perolehan perlu mengambil kira asas keperluan kritikal dan berhemah dengan memastikan perolehan mendapat nilai faedah terbaik dan menguntungkan Persatuan Pelajar dan Universiti mengikut kaedah-kaedah yang digariskan dalam PKPU.
- 3.8 Pembayaran perolehan hendaklah disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap sebaik sahaja aktiviti selesai dilaksanakan mengikut tatacara kewangan yang ditetapkan dalam PKPU.

4.0 DASAR PENGURUSAN AKTIVITI PELAJAR

- 4.1 Dasar adalah seperti di **Lampiran 1**.

5.0 TARIKH KUAT KUASA

- 5.1 Pekeliling Pentadbiran ini berkuat kuasa mulai tarikh 26 Oktober 2023.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,



MASDZARIF BIN MAHAT

Ketua Pegawai Operasi

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

**DASAR PENGURUSAN AKTIVITI PELAJAR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)**

1.0 NAMA DAN PEMAKAIAN

Dasar ini bertujuan untuk memberi panduan kepada pelajar dan pihak universiti berkaitan pengurusan aktiviti pelajar di UTeM.

2.0 TAFSIRAN

2.1 Di dalam Dasar ini, jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

“HEPA” ertinya Hal Ehwal Pelajar dan Alumni;

“JHEPA” ertinya Jawatankuasa HEPA;

“NC” ertinya Naib Canselor;

“Pegawai” ertinya staf Pejabat TNC(HEPA);

“pelajar” ertinya seseorang pelajar berdaftar bagi sesuatu program akademik pra siswazah dan pascasiswazah sama ada sepenuh masa atau separa masa di UTeM dan berstatus aktif;

“Persatuan” ertinya sebarang pertubuhan kumpulan pelajar dalam bentuk kelab, persatuan, sekretariat, jawatankuasa kolej kediaman pelajar atau apa-apa jua nama ia disebut yang diluluskan dan didaftarkan penubuhannya di UTeM;

“PKPU” ertinya Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti;

“TNC” ertinya Timbalan Naib Canselor (HEPA);

“TUAH” ertinya Tangkas, Unggul, Adaptif dan Holistik; dan

“UTeM” ertinya Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2.2 Interpretasi:

- a) Mana-mana perkataan dalam bentuk tunggal adalah termasuk juga yang majmuk dan sebaliknya;
- b) Pada bila-bila masa Dasar ini merujuk setiap hari dalam kalendar, apa-apa angka atau nombor tersebut hendaklah dirujuk kepada hari-hari dalam kalendar *Gregorian*;
- c) Tajuk-tajuk dan tajuk-tajuk kecil dalam Dasar ini dimasukkan bertujuan untuk memudahkan rujukan sahaja dan tidak boleh dibuat pertimbangan dalam mentafsirkan Dasar ini; dan
- d) Lampiran-lampiran yang dirujuk di dalam Dasar ini (jika ada) hendaklah diambil, dianggap, dibaca dan ditafsirkan sebagai bahagian yang penting kepada Dasar ini.

3.0 UNDANG-UNDANG

3.1 Dasar ini perlu dibaca bersama Undang-undang berikut:

- a) Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 termasuklah apa-apa pindaan dan apa-apa perundangan subsidiari di bawahnya;
- b) Perlembagaan UTeM;
- c) Kaedah-kaedah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009;
- d) PKPU; dan
- e) mana-mana undang-undang, dasar, kaedah, peraturan, pekeliling, garis panduan, arahan dan sebagainya yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

3.2 Sekiranya mana-mana peruntukan di dalam Dasar ini menjadi tidak sah dan tidak boleh dilaksanakan disebabkan sebarang alasan, termasuk dan tidak terbatas kepada peruntukan mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa atau disebabkan keputusan mahkamah atau badan lain atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas Dasar ini, maka hanya peruntukan tersebut sahaja yang terbatal manakala peruntukan-peruntukan yang lain masih sah dan berkuat kuasa.

- 3.3 Dasar ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak UTeM dari semasa ke semasa.

4.0 OBJEKTIF DASAR

Objektif Dasar ini diwujudkan adalah seperti berikut:

- a) Untuk menambahbaik kecekapan pengurusan aktiviti pelajar dari sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan aktiviti;
- b) Untuk memastikan pelaksanaan aktiviti pelajar mematuhi semua peraturan yang berkaitan; dan
- c) Untuk memastikan rekod-rekod aktiviti pelajar disimpan dengan teratur dan tersusun.

5.0 AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI, 1971

5.1 *Aktiviti pelajar atau persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar*

"15. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), seseorang pelajar Universiti boleh menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, termasuk mana-mana parti politik.

(2) Seseorang pelajar Universiti tidak boleh –

- a) menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia;*
- b) menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang, yang bukannya suatu parti politik, yang ditetapkan oleh Lembaga sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti itu.*
- c) (Dipotong oleh Akta A1582).*

(3) Seseorang pelajar Universiti dan mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti yang ditubuhkan oleh, di bawah atau mengikut Perlembagaan, tidak boleh

menyatakan atau melakukan apa-apa jua yang boleh semunasabahnya ditafsirkan sebagai menyatakan sokongan kepada atau simpati dengan atau bangkangan terhadap –

- a) mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia; atau
- b) mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang ditetapkan oleh Lembaga sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti itu.

(4) Walau apa pun subseksyen (3), seseorang pelajar Universiti tidak boleh dihalang daripada-

- a) membuat pernyataan mengenai sesuatu perkara akademik yang berhubungan dengan perkara yang pelajar itu terlibat dalam pengajian atau penyelidikannya; atau
- b) menyatakan pendirian mengenai perkara yang disebut dalam perenggan (a) dalam sesuatu seminar, simposium atau majlis seumpamanya yang tidak dianjurkan atau ditaja oleh mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, atau mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang ditetapkan oleh Lembaga di bawah perenggan (3)(b) sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti itu.

(5) Universiti hendaklah mengawal selia aktiviti pelajar dan persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti di dalam Kampus.”

5.2 Pelajar atau pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar dilarang memungut wang

"15.A (1) Tiada seseorang pelajar Universiti, atau sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti, boleh, di dalam atau di luar Kampus, atau di dalam atau di luar Malaysia, memungut atau cuba memungut, atau menganjurkan atau cuba menganjurkan apa-apa pemungutan, atau membuat apa-apa rayuan secara lisan atau secara bertulis atau selainnya atau cuba membuat sesuatu rayuan itu untuk, apa-apa wang atau harta lain daripada sesiapa jua, iaitu bukan wang atau harta yang genap atau hampir genap masanya diperoleh di bawah atau menurut mana-mana undang-undang bertulis, kontrak atau kewajipan lain di sisi undang-undang.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) boleh dikenakan tindakan tatatertib.

(3) Naib Canselor boleh, dalam mana-mana hal tertentu, memberikan pengecualian kepada mana-mana orang daripada pemakaian subseksyen (1), tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.

(4) (Dipotong oleh Akta A1342).

(5) Peruntukan seksyen ini tambahan kepada dan tidak mengurangkan kuasa peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pungutan rumah ke rumah dan di jalan, pungutan awam, atau pungutan wang atau jualan lencana."

6.0 PERLEMBAGAAN UTeM

6.1 Penubuhan badan pelajar lain

"58. (1) Walau apa pun seksyen 57, sah di sisi undang-undang bagi tidak kurang daripada sepuluh orang pelajar Universiti dengan mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Naib Canselor dan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Naib Canselor,

menubuhkan suatu badan pelajar yang terdiri daripada pelajar Universiti bagi memajukan sesuatu tujuan atau kepentingan tertentu dalam Universiti.

(2) Subseksyen 57(4), (5), (6), (7), (8), (11), (12) dan (13) hendaklah terpakai mutatis mutandis bagi sesuatu badan pelajar yang ditubuhkan di bawah seksyen ini sebagaimana ia terpakai bagi MPP.”

6.2 Perbuatan yang melampaui had kuasa Perlembagaan MPP atau sesuatu badan pelajar

“59. (1) Jika Kesatuan atau MPP atau sesuatu badan pelajar yang ditubuhkan di bawah seksyen 58 menjalankan urusannya secara yang, pada pendapat Naib Canselor, boleh merosakkan atau memudaratkan kesentosaan atau nama baik Universiti atau melakukan perbuatan yang bersalahan dengan Perlembagaan Universiti atau Perlembagaannya sendiri, atau mana-mana statut, kaedah atau peraturan Universiti, Naib Canselor boleh menggantung atau membubarkan Kesatuan atau MPP atau badan pelajar tersebut, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan dengan tidak menyentuh apa-apa tanggungan yang mungkin berbangkit di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang berkuat kuasa, tiap-tiap pemegang jawatan dalam Kesatuan atau MPP atau badan pelajar tersebut, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh dikenakan apa-apa hukuman tatatertib.

(2) Subseksyen (1) adalah tambahan kepada dan tidak mengurangkan kuasa seksyen 16 Akta.”

7.0 AKTIVITI PELAJAR

Adalah menjadi salah satu keutamaan pihak universiti untuk melahirkan graduan yang profesional dan beretika dengan meningkatkan kompetensi serta kecemerlangan sahsiah kepada para pelajar di UTeM. Melalui konsep pelajar UTeM adalah TUAH, segala aktiviti yang dijalankan menerapkan keupayaan dan

kebolehan pelajar UTeM sebagai TUAH UTeM yang profesional, kompeten, beretika, ihsan dan daya juang yang tinggi.

Oleh yang demikian, aktiviti pelajar yang dijalankan perlu berasaskan **Lapan (8) Dimensi TUAH** bagi memperkasakan aktiviti pelajar yang holistik, seimbang dan cemerlang demi mewujudkan kesejahteraan kampus.

a) Pengurusan dan Kepimpinan

Dimensi pengurusan bermaksud kemahiran bagi mengatur, menyelaras atau mengawal pengoperasi sesuatu organisasi bagi mencapai suatu matlamat dalam keadaan yang harmoni. Ia termasuk dalam pengurusan kewangan, pengurusan sumber, pengurusan operasi dan lain-lain. Pengurusan yang baik melibatkan kerjasama antara pihak atasan mahupun ahli atau pekerja biasa serta pihak-pihak berkaitan dalam mencapai sesuatu matlamat. Perancangan yang rapi dan matlamat yang jelas sangat penting dalam pengurusan supaya gerak kerja dan operasi dapat diatur dengan baik bagi mencapai matlamat tersebut.

Kepimpinan pula bermaksud satu sistem yang mempunyai struktur organisasi teratur supaya perancangan dan pengoperasian dapat dijalankan dengan sempurna. Kepimpinan juga membawa maksud kewujudan pemimpin dalam organisasi yang mempunyai struktur tersendiri, berkerjasama dengan ahli bagi mencapai kecemerlangan. Kepemimpinan yang baik adalah perlu bagi memberikan pengaruh dan contoh yang baik kepada ahli organisasi supaya keyakinan dapat diwujudkan dalam organisasi.

Antara contoh aktiviti yang melibatkan dimensi ini adalah *University Leadership Development Program (ULDP)*, Kursus Pengurusan Organisasi, Sesi *Town Hall* Bersama TNC (HEPA), Mesyuarat Agung Tahunan dan lain-lain berkaitan dengannya.

b) Teknikal dan Inovasi

Teknikal adalah kerja atau pengetahuan dalam sesuatu bidang kemahiran yang mempunyai tatacara atau perincian agar kerja tersebut dapat dilaksanakan dengan teratur. Dimensi ini membawa maksud suatu aktiviti yang dijalankan khususnya bagi meningkatkan atau memberikan pendedahan kepada bidang teknikal seperti bidang mekanikal, teknologi maklumat, elektronik dan lain-lain.

Inovasi pula bermaksud suatu perubahan, pembaharuan dan penambahbaikan daripada keupayaan kreatif yang memerlukan konsep, idea, kaedah, proses dan kegunaan baharu yang berupaya menjadikan sesuatu perkara lebih baik dari keadaan asalnya. Ianya juga adalah satu proses mengeluarkan idea yang dapat mengubah produk, perkhidmatan, sistem, dan cara operasi kepada bentuk yang baru.

Bagi dimensi ini, antara contoh aktiviti adalah seperti *Robocon*, Pertandingan Reka Cipta, Bengkel Pemantapan Perisian, Minggu Kejuruteraan UTeM.

c) Sukarelawan

Kesukarelawanan secara umumnya merujuk kepada sebarang kegiatan melibatkan perkhidmatan atau bantuan kepada individu atau masyarakat tanpa mengharapkan balasan dan keuntungan. Sukarelawan pula adalah individu yang memberikan khidmat sukarelawan atau bantuan berbentuk barangan dan keperluan. Aktiviti ini dapat meningkatkan hubungan baik dan nilai tambah seseorang individu disamping membantu mereka yang memerlukan.

Terdapat juga badan sukarelawan yang bertindak mengumpul barangan dan keperluan yang disumbangkan masyarakat, industri dan juga badan korporat. Badan ini juga akan melakukan agihan bagi barangan dan keperluan yang diterima kepada individu yang memerlukan.

Antara contoh aktiviti yang dijalankan di UTeM adalah *Food Bank Siswa*, Program Sukarelawan TUAH, Jalinan Kasih, Sekolahku Universitiku dan lain-lain berkaitan dengannya.

d) Akademik dan Kerjaya

Pengertian akademik meliputi pelbagai perkara yang berkaitan pendidikan, kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, peperiksaan serta kelulusan yang dicapai seseorang. Untuk mendapat pencapaian yang baik dalam akademik, seseorang itu perlu menunjukkan tahap kecemerlangan yang tinggi semasa berada di institusi pengajian disamping dorongan dari pensyarah serta aktiviti yang dijalankan pihak institusi.

Dimensi kerjaya pula bermaksud perjalanan atau kemajuan seseorang dalam sesuatu lapangan kehidupan, juga boleh didefinisikan dengan profesion atau pekerjaan yang dipilih bagi mencapai kemajuan dalam hidup disamping mencari nafkah. Kerjaya memerlukan perancangan dan matlamat supaya bidang kemahiran yang dipilih selari dengan matlamat yang dituju.

Antara aktiviti dari dimensi akademik dan kerjaya yang pernah dijalankan adalah Karnival Kerjaya, Seminar Kerjaya, Bengkel Pengaturcaraan, *From Zero to Hero*, Ikon Khalifah, Perkampungan Ilmu Debat, *IEEE Day*, *Mock Interview*, *CEO Talks*, Pengurusan Imej dan lain-lain berkaitan dengannya.

e) Etika dan Kerohanian

Etika dan Kerohanian merupakan salah satu elemen yang penting dalam pembangunan mahasiswa. Faktor etika dan kerohanian akan menjadikan ilmu dan kemahiran lebih terpedoman, dan mahasiswa akan lebih manusiawi. Asas inilah yang bakal membentuk watak dan sahsiah supaya mahasiswa berilmu memiliki kualiti amanah dan integriti yang tinggi. Pemupukan nilai etika dan kerohanian dalam diri setiap mahasiswa sebagai persiapan mendepani cabaran yang akan ditempuh dalam

kehidupan mereka, agar mereka boleh menyelesaikan konflik secara harmoni, bijak membuat pertimbangan, berpegang kepada prinsip ketika berada dalam situasi yang kritikal dan berani melakukan sesuatu yang betul dan ihsan.

Matlamat utama Dimensi Etika dan Kerohanian adalah untuk membantu mahasiswa untuk menerapkan nilai-nilai keagamaan dan moral dalam diri supaya mereka dapat mengelakkan diri daripada melakukan perkara yang dilarang oleh agama dan etika budaya rakyat Malaysia. Dimensi ini juga dapat membantu para mahasiswa untuk meningkatkan sifat disiplin dalam diri untuk sentiasa menjauhkan diri daripada melakukan perkara yang tidak bermanfaat dan berani untuk menghadapi pelbagai cabaran. Dimensi ini juga diwujudkan untuk menerapkan nilai-nilai murni yang sempurna kepada generasi muda pada hari ini agar mereka tidak terus hanyut dengan kemodenan semata-mata tanpa mempunyai jati diri yang mantap dalam menghadapi arus globalisasi yang kian mencabar.

Antara contoh aktiviti yang dijalankan di UTeM adalah Seminar Integriti, Kempen Sifar Meniru, *Walkabout* Anti Rasuah, Karnival Penghayatan Islam, dan lain-lain berkaitan dengannya.

f) Budaya dan Identiti Nasional

Identiti Nasional ialah penerapan yang perlu ada di dalam diri mahasiswa. Ianya untuk membangunkan semangat patriotisme di kalangan mereka agar pada masa akan datang merekalah benteng negara yang ampuh dalam proses memajukan negara. Semangat Identiti Nasional ini mempunyai elemen cinta dan setia kepada negara Malaysia yang seharusnya dipupuk di dalam diri setiap mahasiswa agar menjadi rakyat yang lebih berperanan bagi kemajuan negara. Oleh itu, Identiti Nasional akan memberikan kesedaran kepada mahasiswa menghormati perlembagaan, serta rela berkorban bagi menjaga kedaulatan dan maruah negara tanpa mengira agama, bangsa dan negara.

Budaya pula boleh didefinisikan sebagai perilaku dan adab yang diterapkan melalui aktiviti kebudayaan, kesenian dan warisan dalam konteks mendidik pelajar menjadi modal insan yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia dan berkemahiran sebagai pemimpin generasi akan datang yang mampu memberikan kesejahteraan kepada universiti, masyarakat dan negara.

Antara contoh aktiviti yang dijalankan di UTeM adalah Malam Kemerdekaan, Minggu TUAH Merdeka, Minggu Patriotik, Malam Seni Budaya, Deklamasi Puisi, Pesta Tanglong, Pesta Ponggal, Hari Kuih Tradisi Malaysia, Perkhemahan Tahunan Kor SUKSES, Kem Tahunan PALAPES, Seminar Kebangsaan Kor SISPA, Silat, Muzik dan Orkestra, Program Pertukaran Budaya dan lain-lain berkaitan dengannya.

g) Keusahawanan

Keusahawanan merupakan Dimensi TUAH yang memberi fokus terhadap penganjuran dan penyertaan pelajar dalam sebarang aktiviti berbentuk perniagaan. Tujuan utama penekanan terhadap dimensi ini adalah untuk memastikan pelajar yang akan dilahirkan di lengkapi dengan ciri-ciri keusahawanan untuk diaplikasikan ke dalam industri. Pelajar yang dilengkapi dengan ciri-ciri keusahawanan akan mampu menerokai potensi diri seterusnya mampu untuk menyumbang tenaga dan kepakaran yang lebih menyeluruh bukan sahaja kepada industri tetapi juga kepada komuniti sosial. Antara kemahiran yang mampu dilahirkan adalah kebolehan untuk mengenalpasti peluang, berani untuk mengambil risiko, mentadbir dan menggunakan sumber dengan efektif dan efisien, kemahiran berkomunikasi yang berkesan, serta kualiti perhubungan awam (*public relation*).

Dalam Dimensi Keusahawanan TUAH, aktiviti berbentuk keusahawanan tidak hanya merangkumi aktiviti yang melibatkan transaksi jual beli semata-mata. Dimensi Keusahawanan TUAH merangkumi sebarang aktiviti yang

melibatkan peningkatan ilmu pengetahuan tentang bidang perniagaan sama ada secara teori atau praktikal.

Antara aktiviti yang termasuk dalam dimensi ini adalah seperti berikut aktiviti jual beli termasuk secara digital, Ceramah Keusahawanan, Kursus Keusahawanan, aktiviti praktikal dalam ilmu perniagaan, Pasar Malam, Perniagaan Kiosk dan Sasana Niaga, Program Inkubator, Ekonomi Gig, *Job on Campus*, sesi perkongsian perniagaan lain-lain berkaitan dengannya.

h) Sukan dan Rekreasi

Sukan merupakan segala aktiviti atau kegiatan amalan hidup sihat yang memerlukan ketangkasan atau kemahiran serta tenaga seperti permainan bolasepak, berenang, tenis, lumba lari, badminton, *e-sport* dan sebagainya sama ada untuk tujuan pertandingan mahupun kegiatan untuk menyihatkan badan. Aktiviti sukan melibatkan peraturan dan pertandingan dan semua peserta yang terlibat adalah terikat dengan peraturan tersebut. Ianya mempunyai tujuan untuk mencapai kemenangan dalam pertandingan.

Antara contoh aktiviti sukan yang telah dijalankan adalah seperti Program Siswa Sihat, Sukan Antara Fakulti, Temasya Olahraga Tahunan, Sukan IPT Se-Malaysia (SUKIPT), dan Sukan MASUM.

Rekreasi pula adalah suatu kegiatan yang menyeronokkan yang boleh mencergaskan kembali kesihatan, ketangkasan badan dan melapangkan fikiran. Aktiviti rekreasi di UTeM melibatkan semua elemen rekreasi (*outdoor*) yang melibatkan penglibatan pelajar.

Antaranya ialah berkayak, mendaki tembok tiruan, elemen tali tinggi (*abseiling* dan *flying fox*), mendaki gunung, berkhemah dan lain-lain berkaitan dengannya.

Setiap kertas kerja yang dihantar perlu menerapkan elemen **Matlamat Pembangunan Mampan atau *Sustainable Development Goals (SDG)*** yang dikemukakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam Perhimpunan Agung PPB pada September 2015, berfungsi sebagai rangka tindakan penting negara untuk merangka polisi bagi memastikan masa depan mampan untuk rakyat. Ini merangkumi semua cabaran pembangunan dunia moden, termasuk ekonomi, sosial, politik dan alam sekitar. 17 Matlamat serta huraian ringkasnya adalah seperti berikut:

Jadual 1.0: 17 Matlamat SDG

Bil.	Matlamat	Huraian
1.	Tiada Kemiskinan	SDG 1 bertujuan untuk membasmi setiap bentuk kemiskinan teras termasuk kekurangan makanan, air minuman bersih, dan sanitasi. Mencapai matlamat ini termasuk mencari penyelesaian kepada ancaman baharu akibat perubahan iklim dan konflik. SDG 1 memfokuskan bukan sahaja kepada mereka yang hidup dalam kemiskinan, tetapi juga pada perkhidmatan yang digunakan orang ramai dan dasar sosial yang menggalakkan atau menghalang kemiskinan.
2.	Kelaparan Sifar	SDG 2 bertujuan untuk menamatkan kelaparan, mencapai jaminan makanan dan nutrisi yang lebih baik serta menggalakkan pertanian mampan. SDG 2 menonjolkan kesalinghubungan yang kompleks antara jaminan bekalan makanan, pemakanan, pembangunan luar bandar dan pertanian mampan.

Bil.	Matlamat	Huraian
3.	Kesihatan dan Kesejahteraan Yang Baik	SDG 3 bertujuan untuk memastikan kehidupan yang sihat dan menggalakkan kesejahteraan untuk semua pada semua peringkat umur. Sasaran SDG 3 meliputi dan memberi tumpuan kepada pelbagai aspek kehidupan sihat dan gaya hidup sihat.
4.	Pendidikan Berkualiti	SDG 4 bertujuan memastikan pendidikan berkualiti secara inklusif dan saksama, dan menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat kepada semua.
5.	Kesamarataan Gender	SDG 5 melibatkan kesaksamaan gender yang bertujuan mengiktiraf bahawa tindakan dalam satu bidang akan menjejaskan hasil pada yang lain dan pembangunan mesti mengimbangi kemampanan sosial, ekonomi dan alam sekitar. Pendekatan pemikiran sistem adalah asas bagi kemampanan global.
6.	Air Bersih dan Sanitasi	SDG 6 bertujuan memastikan ketersediaan dan pengurusan air dan sanitasi yang mampan untuk semua.
7.	Tenaga yang Berpatutan dan Bersih	SDG 7 bertujuan untuk memastikan akses kepada tenaga yang berpatutan, boleh dipercayai, mampan dan moden untuk semua. Akses kepada tenaga adalah tonggak yang sangat penting demi kesejahteraan rakyat serta pembangunan ekonomi dan pembasmian kemiskinan.
8.	Pekerjaan Baik dan Kemajuan Ekonomi	SDG 8 memupuk pertumbuhan ekonomi yang mampan, inklusif dan mampan, pekerjaan penuh dan produktif serta kerja yang layak kepada semua.

Bil.	Matlamat	Huraian
9.	Industri, Inovasi dan Infrastruktur	SDG 9 bertujuan untuk membina infrastruktur yang berdaya tahan, menggalakkan perindustrian yang mampan dan memupuk inovasi.
10.	Mengurangkan Ketidaksamaan	SDG 10 bertujuan mengurangkan ketidaksamaan dalam dan antara negara.
11.	Bandar dan Komuniti Mampan	SDG 11 bertujuan untuk menjadikan penempatan inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan. Semua SDG mengambil kira bahawa tindakan dalam satu kawasan akan menjejaskan hasil dalam bidang lain juga, dan pembangunan itu mesti mengimbangi kemampanan sosial, ekonomi dan alam sekitar.
12.	Penggunaan dan Penghasilan yang Bertanggungjawab	SDG 12 bertujuan untuk memastikan penggunaan sumber yang baik, meningkatkan kecekapan tenaga, infrastruktur yang mampan, dan menyediakan akses kepada perkhidmatan asas, pekerjaan hijau dan layak serta memastikan kualiti hidup yang lebih baik untuk semua.
13.	Tindakan Iklim	SDG 13 bertujuan untuk mengambil tindakan segera bagi memerangi perubahan iklim dan kesannya.
14.	Kehidupan di dalam Air	SD 14 bertujuan untuk memelihara dan menggunakan secara mampan lautan dan sumber marin demi pembangunan mampan.
15.	Kehidupan di atas Darat	SDG 15 bertujuan melindungi, memulihkan dan menggalakkan penggunaan mampan ekosistem daratan, mengurus hutan secara mampan, memerangi penggurunan, dan menghentikan dan membalikkan degradasi

Bil.	Matlamat	Huraian
		tanah serta menghentikan kehilangan biodiversiti.
16.	Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kukuh	SDG 16 bertujuan untuk menggalakkan masyarakat yang aman dan inklusif demi pembangunan mampan, menyediakan akses kepada keadilan untuk semua dan membina institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan inklusif di semua peringkat.
17.	Rakan Kerjasama untuk Matlamat	SDG 17 bertujuan untuk mengukuhkan cara pelaksanaan dan menghidupkan semula kerjasama global demi pembangunan mampan.

8.0 MESYUARAT JAWATANKUASA HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI (JHEPA)

Mesyuarat JHEPA diwujudkan bertujuan memperakukan setiap aktiviti Persatuan yang hendak dianjurkan supaya mematuhi peraturan dan prosedur yang berkuat kuasa sebelum mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Melulus.

8.1 Fungsi dan Kuasa Mesyuarat JHEPA

- Menyalurkan maklumat terkini yang berkaitan hal ehwal pelajar dan isu semasa dari Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti, Mesyuarat Senat, Mesyuarat Majlis Eksekutif dan lain-lain kepada pelajar;
- Membantu TNC(HEPA) dalam membuat keputusan terhadap pengajuan aktiviti pelajar yang mematuhi peraturan dan prosedur sedia ada berkuat kuasa di UTeM;
- Membincangkan dan memperakukan kertas kerja bagi permohonan menganjurkan atau menyertai aktiviti sama ada dalaman atau di luar sebelum dimajukan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Melulus;

- d) Mempertimbangkan aktiviti pelajar melalui Persatuan Pelajar yang berdaftar di bawah Pejabat TNC(HEPA) termasuk aktiviti-aktiviti bukan akademik bagi Persatuan Pelajar fakulti, Sekolah Pengajian Siswazah dan Pusat Antarabangsa;
- e) Mengesyorkan peruntukan kewangan bersesuaian berkenaan aktiviti Persatuan yang dicadangkan;
- f) Memantau aktiviti yang telah diperolehi secara *blanket approval* daripada Pihak Berkuasa Melulus;
- g) Membentangkan laporan pelaksanaan dan perkembangan semasa setiap aktiviti Persatuan Pelajar yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus; dan
- h) Memperaku penubuhan, penggantungan dan pembubaran Persatuan untuk kelulusan NC.

8.2 **Tatacara Mesyuarat JHEPA**

- a) Mesyuarat JHEPA hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya satu (1) kali sebulan pada tarikh, masa dan tempat seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi dan mesyuarat hendaklah dipanggil oleh Setiausaha.
- b) Kuorum Mesyuarat JHEPA adalah satu pertiga (1/3) daripada jumlah ahlinya;
- c) Dalam masa ketidakhadiran Pengerusi, seorang Pegawai yang dinamakan oleh TNC(HEPA) hendaklah mempengerusikan Mesyuarat JHEPA;
- d) Mesyuarat JHEPA boleh mengundang mana-mana orang dari dalam atau luar Universiti yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang bersesuaian, untuk menghadiri mesyuarat bagi maksud memberi pandangan kepada Mesyuarat JHEPA tentang apa-apa perkara yang dibincangkan, tetapi orang itu tidak berhak mengundi pada mesyuarat itu;
- e) Mesyuarat JHEPA boleh menentukan tatacara mesyuaratnya sendiri;
- f) Setiausaha bagi Mesyuarat JHEPA adalah ketua bahagian di Pejabat TNC(HEPA) yang menjalankan fungsi berkaitan;
- g) Notis bagi sesuatu mesyuarat hendaklah disampaikan secara bertulis atau elektronik oleh Setiausaha/Sekreariat kepada ahli-ahli selewat-lewatnya tujuh (7) hari bekerja sebelum mesyuarat diadakan;

- h) Sebarang kertas kerja yang hendak dibentangkan dalam mesyuarat hendaklah disemak oleh Penasihat/Penyelaras Persatuan dan seterusnya mengemukakan kertas kerja tersebut yang telah lengkap kepada pihak sekretariat **sekurang-kurangnya tujuh (7) hari bekerja** sebelum tarikh mesyuarat, kecuali mendapat kebenaran khas daripada TNC(HEPA). Kertas kerja yang dikemukakan hendaklah mengikut format yang disediakan; dan
- i) Minit mesyuarat hendaklah disahkan oleh ahli Mesyuarat JHEPA dalam mesyuarat yang berikutnya.

8.3 Keahlian Mesyuarat JHEPA

Pengerusi : TNC(HEPA)

Setiausaha : Ketua Bahagian di Pejabat TNC(HEPA) yang menjalankan fungsi berkaitan

Sekretariat : Unit yang menjalankan fungsi berkaitan

Ahli :

- a) Pengarah Pihak Berkuasa Universiti di Pejabat TNC(HEPA) atau wakilnya;
- b) Ketua Pentadbir di Pejabat TNC(HEPA);
- c) Ketua Bahagian di Pejabat HEPA atau wakilnya; dan
- d) Yang di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar atau wakilnya.

8.4 Had Kuasa Kelulusan Program:

Jadual 2.0: Had Kuasa Kelulusan bagi Program Pelajar Berunsur Sahsiah

Program/Aktiviti	Implikasi Kewangan (RM)	Perakuan	Kelulusan
Program pelajar berunsur sahsiah	Peringkat HEPA >RM20,000.00	TNC(HEPA)	Naib Canselor
	≤RM20,000.00 (Fakulti/HEPA/PPS)	-	Ketua PTj

8.4.1 Had kuasa kelulusan aktiviti pelajar ini tertakluk kepada aktiviti di bawah kawalan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) khususnya bagi aktiviti di bawah Persatuan Pelajar merujuk kepada had kuasa kewangan yang ditetapkan.

8.4.2 Kelulusan kepada Naib Canselor juga perlu diperoleh dengan perakuan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) bagi perkara-perkara lain yang dinyatakan dalam jadual 2.0.

9.0 PERATURAN KEWANGAN

9.1 Sumber Kewangan:

9.1.1 Sumber Dalaman

a) Yuran Aktiviti Pelajar

Yuran Aktiviti Pelajar disalurkan melalui bayaran yuran pengajian pelajar mengikut semester pembelajaran ke dalam Tabung Aktiviti Pelajar yang diuruskan oleh Pemegang Amanah.

b) Tabung Persatuan

Tabung Persatuan atau Tabung Amanah yang ditubuhkan untuk Persatuan yang berdaftar di bawah Universiti untuk tadbir urus aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

c) Peruntukan Bajet Komited Pusat Tanggungjawab

Peruntukan yang diluluskan oleh Universiti melalui Bajet Komited Pusat Tanggungjawab bagi menampung perbelanjaan pengurusan aktiviti pelajar.

9.1.2 Terimaan Derma/Hadiah/Sumbangan/Tajaan Luar

a) Derma/hadiah/sumbangan/tajaan kepada UTeM adalah meliputi wang tunai atau seumpamanya, barangan, peralatan dan

perkhidmatan termasuk hadiah kemenangan dari sebarang pertandingan atau aktiviti universiti walaupun bagaimanapun penerimaan ini tertakluk kepada mana-mana undang-undang, dasar, kaedah, peraturan, pekeliling, garis panduan, arahan dan sebagainya yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa di UTeM;

- b) Sebarang penyaluran derma/hadiah/sumbangan/tajaan wang kepada Persatuan dibuat atas nama **BENDAHARI UTeM**;
- c) Bagi terimaan derma/hadiah/sumbangan/tajaan bukan berbentuk wang perlu diuruskan mengikut tatacara yang telah digariskan di dalam PKPU.

9.2 **Penyediaan Anggaran Bajet:**

9.2.1 Sebelum melaksanakan sesuatu aktiviti, Persatuan Pelajar perlu menyediakan kertas kerja berkaitan yang juga merangkumi anggaran bajet (implikasi kewangan).

9.2.2 Permohonan anggaran bajet aktiviti Persatuan Pelajar dipertimbangkan merujuk kepada kertas kerja yang dibawa ke Pihak Berkuasa Melulus terhad kepada penetapan kadar di PKPU.

9.3 **Perolehan:**

9.3.1 Semua perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja dilaksanakan dengan saksama, berdaya saing, telus dan cekap bagi mendapatkan nilai faedah terbaik serta kelestarian perolehan disamping memelihara kepentingan Universiti dengan memenuhi spesifikasi, kualiti, perkhidmatan sebelum dan selepas jualan, akauntabiliti, penghantaran pada masa yang ditentukan, perolehan hijau dan hak milik.

9.3.2 Perancangan perolehan perlu dirancang sebaiknya dengan mengambil kira asas keperluan kritikal dan berhemah dengan memastikan perolehan

mendapat nilai faedah terbaik dan menguntungkan Persatuan Pelajar dan Universiti.

9.3.3 Kaedah-kaedah perolehan yang dibenarkan adalah seperti yang telah digariskan dalam PKPU.

9.4 **Pembayaran Perolehan:**

Pembayaran perolehan perlu dibuat sebaik sahaja aktiviti selesai dilaksanakan mengikut tatacara kewangan yang ditetapkan dalam PKPU. Pembayaran perolehan hendaklah disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap mengenai tiap-tiap satu perkhidmatan, bekalan atau kerja.

10.0 **PENGECUALIAN**

UTeM tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang implikasi yang timbul akibat kegagalan dalam mematuhi dasar ini.